

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	12 DECEMBER 2016

Kain rentang 'Melayu Mudah Lupa'

KUALA KETIL - Lebih 10 kain rentang mengaitkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad digantung di beberapa lokasi tumpuan sempena ceramah Timbalan Presiden Bersatu, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

Provokasi itu dipercayai ada kaitan dengan dua program dihadiri Mukhriz di Kampung Pantai Cicar dan pekan Kupang, di sini.

Satu kain rentang tertera imej Mahathir melambaikan tangan dengan terpampang ayat Melayu Mudah Lupa: 1998 Demonstrasi jalanan Anwar Ibrahim melanggar undang-undang & 2016 Demonstrasi jalanan ikhtiar terakhir guling kerajaan jatuhkan Najib.

Difahamkan, kain rentang itu digantung pada sebelah petang, antaranya di bulatan Taman Desa

Bidara, lampu isyarat Kuala Ketil-Parit Panjang dan berhampiran Taman Insaniah.

Bagaimanapun keesokannya, lebih dari lima kain rentang itu ditanggalkan.

Mengulas perkara itu, sumber terdekat Bersatu Baling berkata, penggantungan kain rentang itu membuktikan Bersatu semakin mendapat tempat di kalangan pengundi di Baling.

"Mungkin ada parti lain terdesak melakukan perbuatan sedemikian selepas menyedari sokongan rakyat mula beralih kepada kepimpinan Bersatu yang lebih telus dan amanah," katanya.

Katanya, susulan pengaruh parti berkenaan semakin merosot, mereka didakwa cuba menimbulkan provokasi ketika kehadiran Mukhriz bagi mengalihkan tumpuan rakyat.

Tun Mahathir dikerumuni

ALORSETAR - Sebaik sahaja Tun Dr Mahathir Mohamad bersama isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali menjejakkan kaki di Pekan Rabu kelmarin, beliau dikerumuni pengunjung yang mahu ber-swafoto dan bergambar bersamanya.

Ternyata sambutan hebat masih diterima Mahathir walaupun beliau dikecam beberapa pihak yang tidak lagi sehaluan fahaman politik.

Ini menunjukkan rakyat Kedah khususnya masih sayangkan Mahathir dan me-



Pengunjung Pekan Rabu bergambar bersama Tun Mahathir.

ngenang jasanya membangunkan negara.

Mahathir juga tidak ke-

tinggalan meluangkan masa hampir sejam membeli kuih termasuk serunding.

Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin membaca sajak 'Melayu Mudah Lupa' yang ditujukan kepada Tun Dr Mahathir Mohamad. Sajak yang diubah suai Menteri Belia dan Sukan dibaca semasa ucapan dasar Perhimpunan Agung Umno di PWTC, 30 November lalu.

*Melayu mudah lupa, Melayu mudah lupa
Dulu, Bersih dipertikai*

*Sekarang, merayu rakyat sertai Bersih
Melayu mudah lupa, Melayu mudah lupa
Dulu Soros dikritik*

*Sekarang, sertai demo yang dibiayai
Soros*

*Melayu mudah lupa, Melayu mudah lupa
Dulu lempar Anwar pelbagai tuduhan*

*Sekarang bersalaman bertukar
senyuman, entah jujur atau tidak*

*Melayu mudah lupa, Melayu mudah lupa
Dulu, bila ditanya pasal reformasi*

*Sekarang mengejar tepukan di pentas
lawan*

*Melayu mudah lupa, Melayu mudah lupa
Dulu Mat Sabu dicaci dihina*

*Sekarang teman bergelak ketawa
Melayu mudah lupa, Melayu mudah lupa*

*Dulu konon pejuang bangsa
Sekarang seganding musuh bangsa*

*Melayu mudah lupa, Melayu mudah lupa
Dulu pertikai kewujudan Keadilan*

*Sekarang, mesra dengan kepimpinannya,
siap sahut Bebas Anwar*

*Melayu mudah lupa, Melayu Mudah lupa
Dulu, musuh dipersoal*

Kini semeja, mengejar kuasa

*Melayu mudah Lupa, Melayu mudah
lupa.*